A

## LEE BAH HIN lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
ZAKARIA SAM HMR
AB KARIM AB JALIL HMR
B [RAYUAN JENAYAH NO: P-05(M)-317-11-2015]
8 JANUARI 2018

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') – Seksyen 39B(1)(a) – Mengedar dadah jenis heroin seberat 10.99g dan monoacetylmorphines seberat 10.75g – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Alasan-alasan rayuan – Kegagalan hakim bicara menyatakan dapatannya sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan pengedaran bawah s. 37(d) atau s. 2 ADB – Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila menggunakan anggapan berganda iaitu s. 37(d) dan s. 37(da)(iiia) di akhir perbicaraan – Sama ada hakim bicara gagal*
D *mempertimbangkan isu pengedaran*

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39B(1)(a) – Pengedaran dadah jenis heroin seberat 10.99g dan monoacetylmorphines seberat 10.75g – Alasan-alasan rayuan –*
E *Kegagalan hakim bicara menyatakan dapatannya sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan pengedaran bawah s. 37(d) atau s. 2 – Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila menggunakan anggapan berganda iaitu s. 37(d) dan s. 37(da)(iiia) di akhir perbicaraan – Sama ada hakim bicara gagal mempertimbangkan isu pengedaran*

F SP7 dan anggotanya telah ke sebuah rumah untuk menjalankan operasi serbuan dadah. Setibanya di lokasi berkenaan, SP7 bersama-sama anggotanya memasuki rumah tersebut dan terus ke bahagian belakang tingkat bawah rumah dan mendapati ada sebuah bilik belakang yang berkunci dari bahagian dalam. Pintu tersebut dipecahkan dan perayu dijumpai berada di dalam bilik tersebut dalam keadaan duduk sambil menggalas beg pinggang di bahagian
G bahu kanannya. SP7 memeriksa isi beg tersebut dan menemui dua paket plastik lut sinar berisi serbuk ketulan yang disahkan heroin seberat 0.32g dan dadah jenis monoacetylmorphines seberat 0.28g (kedua-duanya bukan hal perkara pertuduhan). SP7 seterusnya membuat pemeriksaan lanjut di dalam bilik tersebut dan menemukan sebuah beg berwarna hitam ('P9') yang di
H dalamnya mengandungi dua plastik lut sinar dan ketulan dadah berbahaya jenis heroin. Turut dijumpai di dalam P9 ialah sebuah alat timbang dan satu paket plastik lut sinar berisi paket-paket kosong. Jarak antara perayu dengan P9 hanyalah lebih kurang enam kaki sahaja. Perayu dikatakan dalam keadaan ketakutan ketika itu. Barang kes yang disyaki dadah yang ditemui di dalam
I beg P9 disahkan sebagai dadah berbahaya jenis heroin dan monoacetylmorphines. Perayu kemudiannya dipertuduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') kerana didapati mengedar dadah berbahaya iaitu heroin seberat 10.99g dan

monoacetylmorphines seberat 10.75g. Di akhir kes pembelaan, Mahkamah Tinggi mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Perayu dengan itu didapati bersalah, disabitkan dan dikenakan hukuman gantung sampai mati. Terkilan, perayu merayu ke mahkamah ini. Alasan-alasan utama yang dihujahkan oleh perayu dalam rayuannya, antara lain, adalah (i) hakim bicara gagal menyatakan dapatannya sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan pengedaran di bawah s. 37(d) atau di bawah s. 2 ADB 1952; (ii) hakim bicara terkhilaf apabila menggunakan anggapan berganda iaitu s. 37(d) dan s. 37 (da)(iiia) di akhir perbicaraan; dan (iii) hakim bicara gagal atau tidak mempertimbangkan langsung berkenaan isu pengedaran, salah satu unsur utama kesalahan ini, di akhir kes pendakwaan.

**Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan sabitan dan hukuman; melepaskan dan membebaskan perayu)**
**Oleh Ab Karim Ab Jalil HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:**

**(1)** Hakim bicara telah terkhilaf apabila menggunakan anggapan berganda iaitu s. 37(d) dan s. 37(da)(iiia) di akhir perbicaraan. Juga, hakim bicara gagal atau tidak mempertimbangkan langsung berkenaan isu pengedaran, salah satu unsur utama kesalahan ini. (perenggan 17)

**(2)** Hakim bicara seolah-olah memutuskan unsur pengedaran dibuktikan melalui pemakaian s. 37(d), atau s. 37(da)(iiia) ADB 1952. Ini memandangkan ketiadaannya perbincangan tentang kehendak s. 37(da)(iiia), atau mana-mana perbuatan yang boleh terjumlah pada makna pengedaran di bawah s. 2 ADB 1952. Hakim bicara juga tidak langsung merujuk pada kategori perbuatan pengedaran di bawah s. 2 tersebut. Dapatan tentang kategori perbuatan tersebut adalah penting untuk mengiringi perbuatan terangan bagi maksud membuat inferens sewajarnya tentang tujuan pemilikan dadah tersebut. Kepastian mengenai perbuatan terangan ini adalah perlu dan kritikal untuk membuktikan unsur pengedaran di bawah s. 39B ADB 1952. (perenggan 18)

**(3)** Isu jumpaan barang alat timbangan dan paket-paket plastik kosong langsung tidak dibincangkan atau diulas oleh hakim bicara. Jelasnya, ada kekeliruan serius yang menjurus pada kekhilafan salah arah di pihak hakim bicara apabila mengandaikan bahawa pengedaran boleh ditimbulkan sekadar pembuktian melalui anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952. Kekhilafan ini bukan merupakan pemakaian anggapan berganda tetapi lebih pada penciptaan anggapan tambahan kepada anggapan milikan dan pengetahuan di bawah s. 37(d). Kekhilafan ini adalah serius dan fatal. (perenggan 19)

**(4)** Hakim bicara telah tersalah tanggapan secara berlebihan bahawa unsur pengedaran telah dibuktikan yang sebenarnya tidak langsung dilakukannya. Ini terjumlah pada salah arahan yang serius sehingga

memudaratkan pembelaan perayu. Salah arah ini terjumlah pada salah laksana keadilan dan tidak boleh diperbaiki ataupun diketepikan begitu saja di bawah mana-mana perundangan. Atas alasan ini sahaja, rayuan ini boleh dan seharusnya dibenarkan. (perenggan 22)

***English*** *Headnotes*

SP7 and his team proceeded to a house to carry out a drug raid operation. Upon arrival at the location, SP7 and his team entered the house and went to the rear side of the ground floor and found a room which was locked from the inside. The door was then broken open and the appellant was found inside the room in a sitting position whilst carrying a bag on his right shoulder. SP7 examined the contents of the bag and found two transparent plastic packets containing lumped powder which were confirmed to be 0.32g of heroin and 0.28g of monoacetylmorphines (not the subject matter of the charge). SP7 further examined the room and found a black bag ('P9') which contained two transparent plastic and drugs suspected to be heroin. Also found in P9 was a weighing machine and a transparent plastic packet containing empty packets. The distance between the appellant and P9 was only about six feet apart. The appellant was said to be in a state of fear at the material time. The drugs found in P9 was confirmed to be heroin and monoacetylmorphines. The appellant was then charged under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') for trafficking in 10.99g of heroin and 10.75g of monoacetylmporphines. At the end of the defense case, the High Court found the prosecution was successful in proving a case beyond reasonable doubt. The appellant was therefore found guilty, convicted and sentenced to death. Aggrieved, the appellant appealed. The main grounds of appeal submitted by the appellant in the present appeal, *inter alia*, were (i) the trial judge's failure to state his findings whether the prosecution had succeeded in proving trafficking under s. 37(d) or under s. 2 of the DDA; (ii) the trial judge was in breach in invoking the principle of double presumption *ie*, s. 37(d) and s. 37(da)(iiia) of the DDA at the end of the trial; and (iii) the trial judge failed or did not consider the issue of trafficking, one of the main elements of this offense, at the conclusion of the prosecution's case.

**Held (allowing appeal; setting aside conviction and sentence; acquitting and discharging accused)**

**Per Ab Karim Ab Jalil JCA delivering the judgment of the court:**

**(1)** The trial judge erred in invoking double presumption *ie*, s. 37(d) and s. 37(da)(iiia) at the end of the trial. Also, the trial judge failed or did not consider directly the issue of trafficking, one of the main elements of this offense.

**(2)** The trial judge seemed to have decided that trafficking was proven by invoking s. 37(d), or s. 37(da)(iiia) of the DDA. This was in view of the absence of a discussion on s. 37(da)(iiia), or any act that could amount to trafficking under s. 2 of the DDA. The trial judge also did not directly

refer to the category of the act of trafficking under s. 2. The finding of the category of the act was important to support an overt act for the purpose of making an inference about the purpose of the drug possession. The certainty of this overt act was necessary and critical to prove the element of trafficking under s. 39B of the DDA.

**(3)** The issue on the discovery of the measuring machine and the empty plastic packages were not directly discussed or commented on by the trial judge. Obviously, there was a serious confusion that led to an error of misdirection by the trial judge in assuming that trafficking could only be proven by invoking s. 37(d) of the DDA. This error was not on the usage of double presumption but rather on the creation of additional presumptions to the presumption of possession and knowledge under s. 37(d). This error was serious and fatal.

**(4)** The trial judge had belaboured under the misconception that the element of trafficking had been proved which, in actual fact, was not done. This amounted to a serious misdirection that caused detriment to the appellant's defense. This amounted to a mismanagement of justice and could not be rectified or simply set aside under any legislation. For this reason alone, this appeal may and ought to be allowed.

**Kes-kes yang dirujuk:**
*Ahmad Din & Ors v. PP [1961] 1 LNS 5 HC* ***(dirujuk)***
*Al Bakhtiar Ab Samat v. PP [2012] 7 CLJ 458 CA* ***(diikuti)***
*Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC* ***(dirujuk)***
*Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737 FC* ***(dirujuk)***
*Emery Shazmal Abd Malek v. PP & Other Appeals [2016] 9 CLJ 644 CA* ***(dirujuk)***
*Jusoh Awang v. PP [1949] 1 LNS 29 HC* ***(dirujuk)***
*Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC* ***(dirujuk)***
*Muthusamy v. PP [1947] 1 LNS 71 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Mohammadreza Aslanzad & Anor And Another Appeal [2016] 2 CLJ 62 CA* ***(dirujuk)***
*Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v. PP [2014] 4 CLJ 406 CA* ***(diikuti)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Criminal Procedure Code, ss. 112, 122
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da)(iiia), 39B
Evidence Act 1950, ss. 14, 15, 114(g), 145, 155(c)

*Bagi pihak perayu - Ranjit Singh Dhillon; T/n J Kaur, Ranjit & Assocs*
*Bagi pihak responden - Samihah Rhazali; TPR*

*[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Lee Bah Hin [2015] 1 LNS 1169 (ditolak).]*

*Dilaporkan oleh Sandra Gabriel*

A

## PENGHAKIMAN

**Ab Karim Ab Jalil HMR:**

**Mukadimah**

B **[1]** Perayu telah didakwa di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dengan pertuduhan seperti yang berikut:

> Bahawa kamu pada 29/10/2013 jam lebih kurang 1.15 tengah hari, di alamat No. 45 Lorong Kurau 15, Taman Chai Leng Seberang Perai, 13700 Pulau Pinang, di dalam Daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu Heroin seberat
C 10.99 gram dan monoacetylmporphines seberat 10.75 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh di hukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

**[2]** Di akhir kes pembelaan, Mahkamah Tinggi telah mendapati pihak
D pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Perayu dengan itu didapati bersalah, disabitkan dan dikenakan hukuman gantung sampai mati. Terkilan, perayu merayu ke mahkamah ini.

**[3]** Setelah mendengar penghujahan kedua-dua pihak, kami mendapati rayuan perayu mempunyai merit dan sabitan ke atas perayu adalah tidak
E selamat. Oleh itu, kami melepaskan dan membebaskan perayu daripada pertuduhan. Di sini, kami menjelaskan alasan-alasan kami memutuskan sedemikian.

**Kes Pendakwaan**

F **[4]** Fakta kes telah digariskan dengan komprehensif oleh hakim bicara dalam alasan penghakimannya. Secara ringkas, pada 29 Oktober 2013 pukul 1.15 tengah hari, Inspektor Mohd Halizat bin Mazuki (SP7) dan anggotanya telah ke alamat No. 54, Lorong Kurau 15, Taman Chai Leng Park, Seberang Perai, Pulau Pinang, untuk menjalankan operasi serbuan dadah. Setibanya di
G lokasi berkenaan, SP7 bersama anggotanya mendapati pintu gril dan pintu hadapan rumah tersebut dalam keadaan tertutup. Setelah pintu tersebut diketuk beberapa kali oleh SP7, akhirnya seorang lelaki Cina yang dikenali sebagai Khor Peng Wah telah membuka pintu gril tersebut. SP7 bersama anggotanya telah memasuki rumah tersebut dan terus pergi ke bahagian belakang tingkat bawah rumah dan mendapati ada sebuah bilik belakang
H (bilik 1 dalam rajah kasar di eks. P38) yang berkunci daripada bahagian dalam. SP7 telah mengetuk pintu bilik 1 tersebut beberapa kali dan memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis, namun tiada tindak balas yang diterima. Atas arahan SP7, Lans Koperal Kamarul telah memecahkan pintu tersebut. Perayu ditemukan berada di dalam bilik tersebut dalam
I keadaan duduk sambil menggalas beg pinggang di bahagian bahu kanannya. SP7 memeriksa isi beg tersebut dan menemukan dua paket plastik lut sinar

berisi serbuk ketulan yang disahkan oleh ahli kimia Puan Siti Aishah binti Che Ani (SP2) di eks. P15 mengandungi heroin seberat 0.32g dan dadah jenis monoacetylmorphines seberat 0.28g (kedua-duanya bukan hal perkara pertuduhan).

**[5]** SP7 seterusnya membuat pemeriksaan lanjut di dalam bilik tersebut dan menemukan sebuah beg kain berwarna hitam (P9) yang di dalamnya mengandungi dua plastik lut sinar dan ketulan dadah berbahaya jenis heroin. Turut dijumpai di dalam P9 ialah sebuah alat timbang (P13), dan satu paket plastik lut sinar berisi paket-paket kosong (P14). Jarak antara perayu dengan eks. P9 hanyalah lebih kurang enam kaki sahaja. Perayu dikatakan dalam keadaan ketakutan ketika itu.

**[6]** Setelah itu, perayu dibawa ke ruang tamu rumah tersebut dengan dikawal oleh Lans Koperal Adnine. SP7 dan anggotanya seterusnya pergi ke bahagian atas rumah dan membuat pemeriksaan. Hasil pemeriksaan didapati seorang perempuan Vietnam di bilik pertama; dan, seorang lelaki Cina masing-masing di dalam bilik kedua dan keempat. Tiada sebarang barangan salah telah dijumpai di tingkat atas rumah tersebut. SP7 kemudiannya membawa tiga orang lelaki Cina, seorang perempuan Vietnam dan perayu tersebut ke Ibu Pejabat Polis, Seberang Perai Tengah dan menyerahkan mereka berserta barang kes kepada pegawai penyiasat Inspektor Rosilawati binti Jusuh (SP10).

**[7]** Barang kes yang disyaki dadah yang ditemui di dalam beg P9 telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Pulau Pinang dan kemudiannya telah disahkan SP2 sebagai dadah berbahaya jenis heroin seberat 10.99g dan monoacetylmorphine seberat 10.75g (eks. P11A & B dan P12).

**[8]** Selain perayu, kesemua yang ditahan di dalam rumah tersebut tidak dikemukakan sebagai saksi pendakwaan.

**Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pendakwaan**

**[9]** Di akhir kes pendakwaan, setelah membuat penilaian maksimum ke atas keterangan yang dibentangkan oleh pendakwaan, hakim bicara mendapati satu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap perayu. Alasan-alasan yang diberikan oleh hakim bicara adalah seperti yang berikut:

(a) Perayu dijumpai berseorangan di dalam bilik semasa rampasan dibuat dan dalam keadaan ketakutan. Perayu juga enggan membuka pintu sehingga memaksa pihak polis memecahkan masuk bilik tersebut.

(b) Penemuan dua plastik lut sinar dan ketulan dadah berbahaya dalam beg kain (P9) dalam jarak enam kaki daripada perayu menunjukkan perayu mempunyai pengetahuan dan milikan terhadap dadah tersebut. Dadah yang dijumpai ini ialah dadah daripada jenis yang sama seperti yang ditemukan dalam beg pinggang yang digalas oleh perayu (iaitu heroin 0.32g dan 0.28g monoacetlymorphine) yang perayu tidak dituduh dengan apa-apa kesalahan.

(c) Turut ditemukan ialah alat timbang (P13) dan paket-paket plastik kosong (P14) dalam beg kain (P9) yang bertujuan untuk aktiviti pengedaran dadah.

(d) Kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil penama Khor Peng Wah sebagai saksi tidak menyebabkan terputusnya rantaian keterangan dan anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai kerana saksi ini telah ditawarkan kepada pembelaan.

(e) Tangkapan yang turut dibuat ke atas tiga orang lelaki Cina dan seorang perempuan Vietnam dari rumah tersebut tidak mempunyai kaitan dengan dadah yang ditemukan oleh pihak polis di dalam bilik perayu ditangkap.

(f) Dadah yang ditemukan dalam P9 mempunyai kaitan dengan perayu dan bukan sesuatu yang kebetulan kerana dadah jenis sama juga ditemukan dalam beg pinggang yang digalas oleh perayu. Oleh itu memandangkan perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas bilik tersebut, hakim bicara telah mengguna pakai anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952. Lantaran itu, perayu dianggap mempunyai milikan dan mengetahui jenis dadah sepertimana dinyatakan dalam pertuduhan.

**[10]** Hakim bicara juga mendapati penemuan paket-paket plastik kosong dan alat penimbang menimbulkan inferens bahawa barang kes tersebut bertujuan digunakan untuk aktiviti pengedaran dadah. Dengan itu perayu diarahkan untuk membela diri.

**Kes Pembelaan**

**[11]** Perayu memberikan keterangan secara bersumpah. Secara ringkasnya, perayu menafikan dia mempunyai pengetahuan dan milikan terhadap dadah berkenaan. Keterangan perayu adalah seperti yang berikut:

(a) Perayu seorang yang buta huruf dan tidak tahu alamat tempat tinggalnya.

(b) Sewaktu tangkapan dibuat oleh pihak polis, dia tinggal di bilik kosong bertanda 'X' iaitu bersebelahan dengan tandas dan bukannya di bilik besar di mana dadah ditemukan. Di bilik kosong tersebut terdapat baju perayu, sebuah televisyen, dan geran motosikalnya.

(c) Perayu menyatakan sewaktu tangkapan dibuat, dia sedang tidur di bilik kosong tersebut. Dia kemudiannya telah dibawa oleh pihak polis ke ruang tamu. Di ruang tamu, dia melihat empat orang yang turut menghuni rumah tersebut dalam keadaan bergari. Tiga lagi penghuni rumah tersebut iaitu Poolilan, SP5, dan seorang perempuan warganegara Indonesia tidak ada sewaktu tangkapan dibuat.

(d) Perayu menyatakan dia yang telah memperkenalkan Poolilan kepada tuan rumah semasa Poolilan ingin menyewa bilik di rumah tersebut.

(e) Bilik tempat dadah ditemui ialah bilik yang disewa oleh Poolilan. Sewaktu di ruang tamu, perayu telah dimaklumkan oleh pihak polis bahawa dadah telah ditemukan di bilik tersebut.

(f) Hanya sewaktu berada di balai polis barulah perayu ditunjukkan dengan dadah tersebut.

**Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pembelaan**

**[12]** Di akhir perbicaraan, hakim bicara telah mendapati perayu telah gagal mematahkan anggapan di bawah s. 37(d) atau s. 37(da)(iiia) ADB 1952 dan telah juga gagal untuk membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Perayu didapati bersalah dan dihukum dengan hukuman mati mandatori.

**Rayuan Ini**

**[13]** Peguam bela terpelajar bagi pihak perayu telah membangkitkan dua isu utama di peringkat rayuan, iaitu:

(a) kegagalan hakim bicara mempertimbangkan dan menilai secara menyeluruh keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pembelaan;

(b) pelanggaran larangan penggunaan anggapan berganda (breach of double presumption).

**[14]** Merujuk kepada isu pertama, perayu menyatakan kegagalan di atas merangkumi isu-isu kecil yang berikut:

(a) hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dalam penggunaan prosedur mencabar saksi (impeachment procedure);

(b) dadah yang dijumpai di dalam bilik tersebut bukan merupakan subjek pertuduhan atau tergolong dalam kategori similar fact evidence; dan

(c) Hakim bicara telah terkhilaf kerana gagal mengguna pakai anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pihak pendakwaan kerana gagal memanggil saksi-saksi penting (tiga orang lelaki Cina dan seorang perempuan Vietnam) yang turut berada di dalam rumah sewaktu serbuan dan tangkapan dibuat.

**[15]** Merujuk kepada isu kedua pula, peguam bela perayu menghujahkan hakim bicara telah mengguna pakai dua anggapan dan secara jelas ini merupakan satu kekhilafan. Hakim bicara juga telah gagal menyatakan dapatan yang terperinci berkaitan elemen-elemen pengedaran. Selain itu, hakim bicara telah juga gagal menyatakan dapatannya sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pengedaran di bawah s. 37(d) atau di bawah s. 2 ADB 1952. Oleh yang demikian, kekhilafan ini dengan jelas

telah menafikan hak perayu untuk satu perbicaraan yang adil dan seterusnya membolehkan rayuan perayu diberikan pertimbangan sewajarnya di peringkat rayuan ini.

**[16]** Responden pula menghujahkan hakim bicara tidak khilaf dalam mempertimbangkan dan menilai keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan. Responden juga menegaskan walaupun telah berlaku salah arah oleh hakim bicara, namun itu tidak menjadikan sabitan tidak selamat. Keterangan-keterangan yang ada mencukupi untuk membuktikan kes pengedaran terhadap perayu.

**Keputusan Kami**

**[17]** Kami akan menyentuh isu kedua terlebih dahulu kerana pada pandangan kami isu tersebut akan menjadi penentu rayuan ini. Peguam bela mengatakan hakim bicara telah terkhilaf apabila menggunakan anggapan berganda iaitu s. 37(d) dan s. 37(da)(iiia) di akhir perbicaraan. Peguam bela juga menegaskan bahawa hakim bicara telah gagal atau tidak mempertimbangkan langsung berkenaan isu pengedaran, salah satu unsur utama kesalahan ini, di akhir kes pendakwaan. Pada hemat kami, peguam bela mempunyai penghujahan yang kuat dan kukuh di sini. Setelah kami membaca alasan penghakiman hakim bicara berkali-kali kami mendapati hakim bicara tidak mempertimbangkan langsung tentang isu pengedaran ini. Hakim bicara telah menyentuh tentang unsur pertuduhan di akhir kes pendakwaan begini, (ms. 26: jilid 1, rekod rayuan, perenggan 6 alasan penghakiman):

> Berdasarkan ujian yang digariskan oleh Mahkamah Persekutuan tersebut dan setelah membuat penilaian maksimum ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, mahkamah ini mendapati bahawa Tertuduh mempunyai pemilikan dan pengetahuan terhadap dadah yang di jumpai (*sic*) dan dirampas seiring dengan kehendak di bawah seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952. Maka dengan itu, pihak pendakwaan telah jelas berjaya mengemukakan satu kes *prima facie* (**iaitu memperedarkan dadah berbahaya**) terhadap Tertuduh di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dengan itu mahkamah ini tiada keraguan sama sekali untuk memanggil Tertuduh membela diri. (Tekanan kami)

**[18]** Diperhatikan hakim bicara seolah-olah memutuskan unsur pengedaran telah dibuktikan melalui pemakaian s. 37(d), atau s. 37(da)(iiia) ADB 1952. Ini memandangkan ketiadaannya perbincangan tentang kehendak s. 37(da)(iiia), atau mana-mana perbuatan yang boleh terjumlah kepada makna pengedaran di bawah s. 2 ADB 1952. Hakim bicara juga tidak langsung merujuk kepada kategori perbuatan pengedaran di bawah s. 2 tersebut. Dapatan tentang kategori perbuatan tersebut adalah penting untuk mengiringi perbuatan terangan (overt act) bagi maksud membuat inferens sewajarnya tentang tujuan pemilikan dadah tersebut. Kami berpendapat

kepastian mengenai perbuatan terangan (overt act) ini adalah perlu dan kritikal untuk membuktikan unsur pengedaran di bawah s. 39B ADB 1952. Namun, hakim bicara dengan sepintas lalu sekadar mengatakan (di ms 24: jilid 1, perenggan (4), alasannya):

> (4) Turut dijumpai di dalam ekshibit P9 ini adalah satu alat timbang (ekshibit P13) dan paket-paket plastik kosong (ekshibit P14) dan ini menambah keyakinan saya bahawa ia adalah bertujuan untuk aktiviti pengedaran dadah.

**[19]** Adakah terjumpanya barang alat timbangan (P13) dan paket-paket plastik kosong itu (P14) merupakan perbuatan terangan yang dimaksudkan dan jika demikian, untuk mengiringi atau menyokong perbuatan yang mana dalam makna pengedaran di bawah s. 2 tersebut? Ini langsung tidak dibincangkan atau diulas oleh hakim bicara. Jelasnya, ada kekeliruan serius yang menjurus kepada kekhilafan salah arah di pihak hakim bicara di sini apabila mengandaikan bahawa pengedaran boleh ditimbulkan sekadar pembuktian melalui anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952. Pada hemat kami ini, kekhilafan ini bukan merupakan pemakaian anggapan berganda tetapi lebih kepada penciptaan anggapan tambahan kepada anggapan milikan dan pengetahuan di bawah s. 37(d). Pada kami, kekhilafan ini adalah serius dan fatal.

**[20]** Penghujahan peguam bela diperjelaskan dan diwajarkan lagi dengan keputusan hakim bicara di akhir perbicaraan. Kekhilafan lanjut ditunjukkan dalam alasan penghakiman hakim bicara yang menyatakan (ms. 36, RR: jilid 1):

> ... jelas dari pengamatan saya di atas keterangan yang diberikan oleh tertuduh, pembelaan yang dikemukakan oleh beliau adalah terlalu remeh, lemah, dan sukar dipertahankan. Tertuduh juga telah didapati gagal untuk mematahkan anggapan di bawah seksyen 37(d) atau (da), (iia) (*sic*: sepatutnya (iiia)) Akta Dadah Berbahaya 1952 di atas imbangan kebarangkalian (balance of probabilities)

**[21]** Adakah hakim bicara mengguna pakai anggapan di bawah s. 37(d) atau s. 37(da)(iiia) ADB 1952, atau kedua-duanya sekali, atau perayu dikehendaki mematahkan mana-mana satu anggapan tersebut? Kalau dimaksudkan perayu gagal mematahkan kedua-dua anggapan tersebut itu jelas melanggar larangan penggunaan anggapan berganda sepertimana diputuskan dalam kes *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170. Andai kata s. 37(da)(iiia) sahaja, dan, dalam keadaan yang dihuraikan di atas serta tanpa penemuan (dapatan) tentang unsur pengedaran, apakah asas bagi hakim bicara membuat penemuan mengenai kegagalan perayu untuk mematahkan anggapan s. 37(da)(iiia) tersebut? Adakah berdasarkan andaian yang bermain di fikiran hakim bicara sepertimana beliau nyatakan di perenggan 8(3) (ms. 35: RR jilid 1):

> Jika benar sekalipun dadah tersebut kepunyaan Poolilan atau Partipan (ini dinafikan), namun ini sama sekali tidak akan melepaskan tertuduh dari pertuduhan kerana siapa sebenarnya yang merupakan empunya

A dadah tersebut bukanlah sesuatu yang material kerana apa yang harus dibuktikan oleh pendakwaan hanyalah elemen pengedaran **yang mana ini telah berjaya dilaksanakan oleh pendakwaan**. (Tekanan oleh kami)

**[22]** Sejelasnya, hakim bicara telah tersalah tanggapan secara berlebihan (belaboured under the misconception) bahawa unsur pengedaran itu telah B dibuktikan yang sebenarnya tidak langsung dilakukannya. Pada penghakiman kami ini terjumlah kepada salah arah yang serius sehingga memudaratkan pembelaan perayu. Kami berpendapat salah arah tersebut terjumlah kepada salah laksana keadilan dan tidak boleh diperbaiki ataupun diketepikan begitu saja di bawah mana-mana perundangan. Atas alasan ini sahaja, rayuan ini C boleh dan seharusnya dibenarkan. (Kes *PP v. Mohammadreza Aslanzad & Anor And Another Appeal* [2016] 2 CLJ 62, dan *Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v. PP* [2014] 4 CLJ 406 diikuti).

**[23]** Demi kesempurnaan, kami akan menyentuh dua isu lain yang ditimbulkan oleh peguam bela perayu iaitu isu kaitan (link) dadah dalam beg D pinggang dengan dadah dalam pertuduhan (dalam P9), dan isu kecacatan prosiding cabaran kebolehpercayaan SP5. Mengenai isu kaitan dadah, kami bersetuju dengan penghujahan peguam bela bahawa hakim bicara telah tersalah arah apabila menyamakan dadah campuran 0.32g heroin dan 0.28g monoacetylmorphine yang dirampas dari dalam beg pinggang perayu E menarik pemakaian s. 15 Akta Keterangan 1950 bagi tujuan menunjukkan: kesamaannya dengan dadah dalam pertuduhan (P9), yang berlainan tempat dijumpai; pengetahuan perayu tentang dadah tersebut; dan kesalahan yang dituduh bukanlah sesuatu yang berlaku secara kebetulan. Kami bersetuju bahawa kekhilafan tersebut disebabkan: perayu tidak dituduh dengan F kesalahan pemilikan dadah dalam beg pinggang itu (dadah jumlah kecil); ahli kimia SP2 tidak boleh mengesahkan sama ada dadah jumlah kecil dan dadah dalam pertuduhan datang daripada sumber yang sama; dadah jumlah kecil ialah kesalahan pemilikan padahal dadah dalam pertuduhan melibatkan kesalahan pengedaran; dan, hakim bicara telah tidak melakukan ujian timbangan (balancing test) untuk menentukan sama ada kesan kemudaratan G keterangan tersebut mengatasi nilai probatifnya. Apa yang dinyatakan oleh hakim bicara mengenai isu ini hanyalah "sekadar peringatan" sahaja (perenggan 5(2), ms. 23: RR jilid 1 (alasan penghakiman). Pada penghakiman kami kehendak ss. 14 dan 15 Akta Keterangan 1950 telah tidak diikuti oleh hakim bicara - kes *Al Bakhtiar Ab Samat v. PP* [2012] 7 CLJ 458 diikuti. Lihat H juga *Emery Shazmal Abd Malek v. PP & Other Appeals* [2016] 9 CLJ 644 (ujian air kencing positif dadah yang sama jenis dengan yang dituduh diputuskan sebagai tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan bagi pembuktian pengetahuan pembuatan atau milikan dadah dalam pertuduhan). Jelas pada kami telah berlakunya salah arah di pihak hakim bicara berkenaan ketepatan I pemakaian keterangan yang sama sepertimana diperuntukkan dalam ss. 14 dan 15 Akta Keterangan 1950.

**[24]** Mengenai isu kecacatan prosiding mencabar kebolehpercayaan SP5, kami hanya perlu menyentuh satu isu sahaja yang pada pengamatan kami mencacatkan prosiding tersebut. Diperhatikan prosiding yang dipohon oleh pendakwaan adalah untuk mencabar kebolehpercayaan SP5, saksi pendakwaan sendiri, di bawah s. 155(c) Akta Keterangan 1950 dengan menggunakan kenyataan bertulis s. 112 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) SP5 yang diberikan kepada pihak polis. Selaras dengan kehendak peruntukan s. 155(c) kebenaran mahkamah telah diberikan untuk mencabar saksi pendakwaan itu sendiri. Kami mendapati juga secara amnya kehendak peruntukan ss. 145 dan 155(c) telah dirujuk. Bagaimanapun, terdapat isu sama ada SP5 telah secara positif mengesahkan bahawa dia telah memberikan percakapan tersebut kepada pihak polis. Peguam bela berhujah bahawa SP5, semasa diminta penjelasan oleh mahkamah, menafikan memberikan pernyataan di bahagian yang dirujuk ie, P37. Dalam penafian tersebut, pendakwaan seharusnya membuktikan secara formal percakapan s. 112 KTJ. Ini tidak dilakukan dan ini mencacatkan prosiding cabaran itu sepertimana diputuskan dalam kes *Jusoh Awang v. PP* [1949] 1 LNS 29; [1950] 16 MLJ 69, *Ahmad Din & Ors v. PP* [1961] 1 LNS 5; [1962] 28 MLJ 94, dan *Muthusamy v. PP* [1947] 1 LNS 71; [1948] MLJ 57. Kami dapati hujahan ini menarik dan bermerit. Dalam kes *Jusoh bin Awang*, *supra*, saksi tidak mengaku pernyataannya sepertimana yang berikut:

> The learned President's note proceeds:
>
> > (Certain portion of the statement read - marked A in blue pencil - admitted P1. Intld. M.M.H.).
> >
> > I did not make that statement which has been read out to me.
>
> No attempt was made to prove the document in question by the evidence of the Sergeant who took it, although he was present. It was, however, marked as an exhibit and included as such in the appeal record. This is a clear illegality.
>
> It has often been stressed by the Court of Appeal and the High Court that, where an alleged statement put to a witness is denied, it must be formally proved - so often, indeed, that I was at first inclined, on reading the learned President's note, to suppose that he must have intended the document to be marked only for identification; but clearly this was not so. If that had been done, and the statement had not thereafter been proved, the attempt to impeach the witness's credit under Sec. 145 of the Evidence Enactment would have failed, but there would have been no irregularity. If the witness was to be believed, his evidence was useless either to the Prosecution or the Defence. If it was not to be believed, it was equally useless. In these circumstances, an application under Sec. 113 can serve no useful purpose. In cases where the witness actively assists the Defence, an application may well be necessary, but that was not the case here.

**[25]** Manakala dalam kes *Ahmad Din & Ors*, *supra*, kedudukannya dibentangkan seperti yang berikut:

> The learned Deputy Public Prosecutor submitted that if the witness admits that he made a statement to the police then formal proof is not necessary. **This, in my opinion, is altogether too loose a view of the law**. In *Muthusamy v. Public Prosecutor* [1948] MLJ 57 Taylor J said:
>
> > The basic principle is that the Court is to decide the facts on the sworn evidence given in Court. What a witness said on some other occasion is *prima facie* irrelevant and if unsworn is *prima facie* less reliable. But if the witness has given one version of the incident to the police and gives a different version to the Court, it becomes a question whether his evidence can be relied on and therefore the former statement can - by the prescribed procedure - be used to impeach his credit.
>
> So that for the purpose of discrediting the witness two things are required to be proved one that he has given one version of the incident to the police, and the other that he has given a different version to the Court. What he has said to the Court will have been recorded so that there is no difficulty as to that. What remains to be proved therefore is the version he has given to the police. *A bare admission that he made a statement to the police in no way proves what he said to them. The moment he denies saying certain things which appear in a statement the question of whether he did in fact say those things is in issue and can be resolved only by formally proving the statement, thereby making the person who recorded it available for cross-examination.* If he admits that the statement, the actual document, produced is the recording of his statement or if he admits saying what is stated in the statement then no formal proof is required. But nothing less will suffice. As I see it when Taylor J. in *Muthusamy v. Public Prosecutor*, *supra*, talks about a witness denying having made the alleged statement and Briggs J. in *Jusoh bin Awang v. Public Prosecutor* [1950] MLJ 69 refers to where an alleged statement put to a witness is denied, they are not referring to the witness having denied making a statement to the police at all but to the witness denying the making of the statement alleged. (Tekanan diberikan).

**[26]** Berpandukan prinsip di atas dan setelah memeriksa rekod rayuan, kami mendapati SP5, seorang yang tidak boleh membaca, telah membuat beberapa penafian ke atas pernyataan dalam percakapan s. 122 KTJ terutamanya P37 sepertimana yang berikut:

> ms 116: Jilid 1, RR
>
> Q. Tadi puan cakap puan ada bagi statement kepada polis.
>
> Soalan yang ditanya berapa pintu bilik yang kamu sewakan kepada Bah Hin. Jadi puan cakap bilik itu ada dua pintu, pintu no. Satu mengadap dapur, tapi pintu selalu berkunci, kalau Lee Bah Hin tiada di dalam bilik.

A. **Saya tidak cakap itu macam, saya cakap Lee Bah Hin duduk bilik kecil.**

Ms 117: Jilid 1, RR

Q ...

Sekarang terang macam mana ada dua beza ni?

A. Dia ada minta saya punya jam saya cakap Bah Hin duduk (*sic*) bilik kecil, itu kawan sewa punya, cakap itu macam saja dia orang tulis macam mana saya tak tahu. **Saya tak faham punya**.

(Tekanan diberikan)

**[27]** Dalam keadaan tersebut, pendakwaan seharusnya memanggil pegawai yang merekodkan percakapan tersebut, dan kegagalan tersebut mencacatkan prosiding cabaran ini. Oleh itu kebolehpercayaan SP5 tidak tercabar dan kesan pemadaman tuntas (washed off) daripada rekod berdasar prinsip kes *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101; [1983] 2 MLJ 232 (FC), dan *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737; [2004] 3 MLJ 405 (FC) tidak terpakai. Hakim bicara seharusnya mempertimbangkan keterangan SP5 sama seperti saksi-saksi lain. Ini tidak dilakukan di sini, dan kami berpendapat jika itu dilakukan oleh hakim bicara, berkemungkinan keraguan yang munasabah telah dibangkitkan oleh perayu terhadap kes pendakwaan. Pada penghakiman kami keterangan SP5 yang memihak kepada perayu boleh diterima dan telah dengan jelas menimbulkan keraguan yang munasabah mengenai siapakah penghuni sebenar bilik di mana dadah dijumpai dan di manakah sebenarnya bilik perayu. Hakim bicara ternyata terkhilaf di sini.

**[28]** Sebagai rumusan kami mendapati kes ini dibebani dengan pelbagai ciri yang tidak memuaskan. Dalam keadaan tersebut kami sebulat suara mendapati sabitan yang diperintahkan terhadap perayu adalah tidak selamat. Susulan itu, kami membenarkan rayuan ini dan mengetepikan sabitan dan hukuman terhadap pertuduhan pengedaran. Perayu dengan itu dilepaskan dan dibebaskan.